

ANALISIS SIRAH RASULULLAH S.A.W.

BERSAMA PARA ISTERINYA (Bahagian 1)

Kehidupan berumah tangga merupakan sebuah kehidupan yang bermakna jika berlandaskan syariat dan ketaqwaan kepada Allah s.w.t. Sebaliknya, apabila rumah tangga didasari dengan nafsu dan godaan syaitan, maka rumah tangga tersebut akan menjadi kucar-kacir dan impian untuk memiliki sebuah keluarga yang bahagia akan hancur dan musnah.

Sebagai Muslim, Rasulullah s.a.w. telah menunjukkan contoh yang terbaik kepada kita bagaimana untuk membina sebuah keluarga yang harmoni. Oleh sebab itu, I-PoDS akan menelusuri perjalanan sirah Rasulullah s.a.w. yang berkaitan dengan pembinaan keluarga yang dirahmati dan diredhai oleh Allah. Bahagian pertama I-PoDS bagi siri ini akan menghuraikan pendekatan yang diambil oleh Baginda s.a.w. terhadap isteri-isterinya.

Mengenali Isteri-Isteri Rasulullah s.a.w.

Sebelum kita mengetahui apakah pendekatan yang diambil oleh Rasulullah s.a.w. ketika bersama para isterinya, mari kita kenali dengan lebih dekat isteri-isteri Rasulullah s.a.w.

Kitab-kitab sirah menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w. mempunyai 13 orang isteri melalui perkahwinan Baginda.

- Sembilan orang yang masih hidup semasa kewafatan Baginda s.a.w.
- Dua orang meninggal dunia semasa hayat Baginda s.a.w.
- Dua orang yang dikahwini Baginda namun tidak digauli.

Berikut adalah antara senarai nama-nama isteri Baginda dan latar belakang ringkas mengenai mereka:

Indahnya Hidup Berkeluarga



Nama	Latar belakang
Khadijah binti Khuwailid	Berkahwin dengan Nabi s.a.w. ketika berumur 40 tahun.
Sawdah bin Zam'ah	Berkahwin dengan Rasulullah s.a.w. pada bulan Syawal tahun ke-10 kenabian .
Sawdah	Adalah isteri sepupu sebelah bapanya yang bernama al-Sakran bin Amru. Sawdah bercerai mati dengan suaminya.
Aisyah binti Abu Bakar al-Siddiq	Berkahwin dengan Rasulullah s.a.w. pada bulan Syawal tahun ke-11 kenabian selepas setahun perkahwinan Baginda dengan Sawdah.
Hafsa binti Umar bin al-Khattab	Berkahwin dengan Rasulullah pada tahun 3 Hijrah . Menjadi janda setelah kematian suaminya Khunays bin Hudhafah semasa jarak masa antara perang Badar dan Uhud.
Zainab binti Khuzaymah	Berkahwin dengan Rasulullah pada tahun 4 Hijrah . Bekas isteri Abdullah bin Jahsy yang gugur syahid dalam perang Uhud. Beliau digelar Ummu al-Masakin (ibu orang miskin) kerana sikap penyayang dan kelembutannya terhadap orang miskin. Meninggal dunia dua atau tiga bulan selepas berkahwin dengan Rasulullah s.a.w.
Ummu Salamah Hindun binti Abu Umayyah	Berkahwin dengan Rasulullah pada bulan Syawal 4 Hijrah . Balu kepada Abu Salamah.
Zainab binti Jahsy bin Riyab	Berkahwin dengan Rasulullah pada bulan Zulkaedah 5H . Anak ibu saudara Rasulullah sebelah bapa.
Juwayriyyah binti al-Harith	Berkahwin dengan Rasulullah pada bulan Syaaban 6 Hijrah .
Ummu Habibah Ramlah binti Abu Sufiyan	Berkahwin dengan Rasulullah pada bulan Muharam 7 Hijrah . Bekas isteri Ubaydullah bin Jahsy yang telah murtad dan memeluk agama Nasrani dan meninggal dunia di sana.
Safiyah binti Huyai bin Akhtab	Merupakan tawanan perang Khaybar. Rasulullah s.a.w. memerdekakannya serta mengahwininya setelah Khaybar berjaya ditakluk.
Maymunah binti al-Harith	Berkahwin dengan Rasulullah pada bulan Zulkaedah 7 Hijrah . Saudara perempuan Ummu al-Fadl Lubabah binti al-Harith.

Rujukan: Safiyu al-Rahman al-Mubarakfuri, *al-Rahiq al-Makhtum*, bab Rumah Tangga Nabi s.a.w.

Rasulullah s.a.w. merupakan seorang insan mulia yang perlu dijadikan contoh bagi setiap umat Islam. Peribadi yang ditunjukkan oleh Baginda dalam rumah tangga pula memberikan panduan kepada suami dan isteri untuk membina sebuah keluarga yang bahagia.

Antara pendekatan yang diambil oleh Rasulullah s.a.w. ketika bersama para isterinya adalah:

1. Berbincang untuk mencari solusi

Di sebalik kejayaan seorang suami adalah seorang isteri yang sentiasa menyokong dan membantunya. Tanpa sokongan isteri, ada kemungkinan si suami rebah di tengah jalan.

Oleh yang demikian, setiap suami dan isteri perlu sentiasa berbincang bagi membuat keputusan, mencari idea, dan menyelesaikan masalah sama ada berkenaan dengan keluarga atau masyarakat. Perbincangan yang dilakukan adalah untuk mencari kata sepakat agar kedua-dua pihak iaitu suami dan isteri berpuas hati dengan keputusan yang diambil.

2. Peranan si isteri

Seorang isteri tidak pernah dihalang untuk memberikan pendapat, idea dan komen dalam menyelesaikan sesuatu masalah rumah tangga. Oleh sebab itu, pandangan dan cadangan daripada seorang isteri haruslah diraikan oleh seorang suami kerana kemungkinan pandangan yang diberikan oleh isteri adalah lebih baik daripada pandangan suaminya.

3. Meraikan pandangan isterinya

Ketika perjanjian Hudaibiah, terdapat orang Islam yang menganggap perjanjian tersebut adalah berat sebelah kerana ianya menguntungkan orang kafir Quraisy. Oleh itu, ketika Rasulullah s.a.w. memerintahkan orang Islam untuk menyembelih binatang, mereka enggan melakukannya. Keengganan tersebut menyebabkan Rasulullah agak kecewa dan berjumpa Ummu Salamah untuk meminta pandangan beliau.

Ummu Salamah mencadangkan: "Wahai Nabi Allah, adakah tuan suka keadaan tersebut berterusan begitu? Keluarlah dan jangan bercakap dengan sesiapa pun walaupun sepatah perkataan dan kemudian sembelihlah binatang yang dibawa oleh tuan itu.

Panggillah tukang cukur dan suruhlah dia mencukur rambut tuan."

Rasulullah s.a.w. keluar dan tidak bercakap dengan sesiapa pun. Baginda menyembelih binatang yang dibawanya, memanggil tukang cukur dan mencukur rambutnya.

Setelah melihat perbuatan Rasulullah s.a.w. itu, orang Islam mula menyembelih binatang yang dibawa mereka dan bercukur rambut antara satu sama lain."

Berdasarkan hadis ini:

1. Rasulullah s.a.w. turut melibatkan isterinya dalam perbincangan menyelesaikan satu masalah negara yang besar.

2. Rasulullah meraikan pandangan dan cadangan daripada isterinya.

Oleh yang demikian, perbincangan merupakan satu cara yang amat penting bagi seorang suami dan isteri bagi membuat sesuatu keputusan yang melibatkan keluarga dan rumah tangga.

Walaupun begitu, terdapat kekeliruan dan persoalan yang sering bermain dalam fikiran para suami.

■ Perlukah saya libatkan isteri saya dalam perbincangan? Bukankah suami yang berhak buat keputusan?

Jika Rasulullah s.a.w. sendiri melibatkan isteri-isterinya dalam perbincangan isu-isu yang besar, apakah yang menghalang kita sebagai suami untuk melibatkan isteri dalam perbincangan dan sekali gus mengamalkan sunah Rasulullah s.a.w. ini?

Setengah suami oleh kerana ego pada dirinya menyebabkan dia memandang rendah terhadap kemampuan isterinya. Libatkan isteri dalam perbincangan dan buanglah sementara ego yang bersarang dalam jiwa kita. Antara kesan baik berbincang dengan isteri adalah:

● Suasana kasih sayang bertambah kuat dan subur serta memberikan kebahagiaan dalam rumah tangga.

● Isteri akan merasa dihargai dan dihormati apabila diajak berbincang bersama. Ia juga melatih si isteri untuk menggunakan akal fikirannya untuk memikul tanggungjawab dalam menyelesaikan isu-isu besar sama ada yang melibatkan keluarga atau masyarakat.

● Menyuntik semangat kepada isteri untuk menempuh cabaran dan dugaan kehidupan yang berliku terutamanya dalam

menguruskan anak-anak yang masih kecil setelah suami meninggal dunia.

● Meningkatkan lagi kemampuan isteri dalam menangani masalah yang berkaitan dengan keluarga dan masyarakat sama ada dari sudut fizikal atau psikologi.

● Mewujudkan suasana persefahaman antara satu sama lain. Ini adalah kerana suami melihat kemampuan dan idea yang diberikan oleh isterinya boleh memberikan kejayaan kepadanya.

● Keputusan yang dihasilkan akan lebih tepat kerana idea datang daripada dua pihak dan suami dan isteri boleh melihat pro dan kontra dalam membuat keputusan bersama.

● Memperbaiki komunikasi antara suami dan isteri.

● Menyatukan hati suami dan isteri bagi mengukuhkan lagi kebahagiaan rumah tangga. Kasih sayang bukan sekadar gambaran luaran tetapi ianya melibatkan hati dan emosi. Dua hati yang mungkin renggang dan jauh sebelum ini, mula terikat dan bersatu semula melalui perbincangan.

■ Selama ini saya jarang berbincang dengan isteri saya. Bagaimanakah cara yang terbaik untuk melakukan perbincangan dengan isteri?

Sebagai seorang suami kita boleh mengaplikasikan apa yang diajar oleh Rasulullah s.a.w. seperti berikut:

● Nyatakan masalah yang dihadapi dan minta isteri memberikan pendapat.

● Sebelum memutuskan sesuatu keputusan, bincang terlebih dahulu dengan isteri dan minta idea dan pendapatnya.

● Kaji dan fikir masak-masak dan jangan membuat keputusan dengan terburu-buru.

● Bijaksana dalam mendidik isteri ketika perbincangan agar perbincangan tersebut membuahkan satu idea yang bernas. Jangan memaksa isteri anda. Biarkan dia memberikan idea dengan tenang.

● Sekiranya idea isteri bertentangan dengan idea anda, jangan cepat marah dan melenting. Sebaliknya cuba fikirkan pro dan kontra bagi kedua-dua idea tersebut.

● Sekiranya idea isteri tidak betul atau keliru, jangan merendah-rendahkan pendapatnya sebaliknya teruskan perbincangan dalam suasana yang harmoni dan tenang.

● Ucapkan terima kasih kepada isteri kerana sudi untuk memberikan idea, pandangan dan cadangan dalam menyelesaikan masalah bersama.

● Berikan penghargaan (walaupun kecil) bagi menghargai sumbangan idea daripada isteri anda seperti belanja makan atau membelikan bunga. **S**

[Bersambung dalam keluaran akan datang]



Mohd Azrul Azlen Abd Hamid

Lulusan Ijazah Sarjana Muda di UIAM dan Ijazah Sarjana (MA) dalam bahasa Arab juga di UIAM, dan sedang menyambung pengajian peringkat Ph.D di Universiti Malaya. Kini sebagai pensyarah di UIAM.

Boleh dihubungi di: mohdazrulazlan@gmail.com.